

30 OCT 1997

G15-Mata Wang

PERNYATAAN KHAS MENGENAI MANUPULASI MATA WANG DI SIDANG G15

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang bersidang di sini dijangka mengeluarkan pernyataan khas mengenai krisis mata wang yang telah menjejaskan dua anggota perkumpulan itu, iaitu Malaysia dan Indonesia.

Wakil Tetap Zimbabwe Ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Tichaona J.B. Jokonya hari ini berkata, pernyataan seperti itu adalah lebih berkesan dalam menangani masalah itu berbanding dengan menyatakannya dalam pernyataan umum di akhir persidangan itu.

Zimbabwe telah membentangkan cadangan itu semasa mesyuarat ke 39 wakil peribadi ketua-ketua kerajaan yang diadakan di sini semalam dan ia menerima "sokongan kuat" daripada negara-negara anggota kerana ia satu isu yang penting, kata beliau kepada pemberita di sini.

"Ia lebih berkesan kerana boleh sampai ke seluruh dunia," kata Jokonya.

Ditanya sama ada (manupulasi mata wang) akan menjadi agenda utama, beliau berkata: "Ya, ia perkembangan yang serius. Apabila sidang kemuncak ketujuh dicadangkan di Harare dan Malaysia bersetuju mempengeruskannya, masalah itu tidak wujud.

Walaupun satu agenda telah disediakan bagi ketua-ketua kerajaan, mereka tidak terikat dengan agenda itu dan boleh membangkitkan sebarang isu semasa.

"Kita pasti isu ini akan dibincangkan. Kita yang mencadangkannya dan ia dalam agenda".

"Saya berpendapat ia menjadi penting kerana ia bukan sahaja terhad kepada Malaysia dan Indonesia tetapi juga negara-negara lain di rantau ini," kata beliau.

"Kita bercakap mengenai Brazil dan Argentina, yang mewakili negara-negara Amerika Selatan, yang merupakan jiran Amerika Syarikat yang tidak boleh mengetepikan suara perkumpulan itu," kata beliau.

Jokonya berkata, G15 telah mengambil langkah untuk mengeluarkan pernyataan khas dalam persidangan terakhirnya di Harare untuk menangani masalah menghubungkan isu sosial dengan buruh yang menjadi penghalang kepada negara-negara membangun.

Ditanya mengapa G15 akan membangkitkan perkara itu, beliau berkata: Saya berpendapat masalah ini menimpa Mexico tidak lama dahulu. Tetapi ia terhad kepada Mexico sahaja dan oleh kerana ia merupakan anggota Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara, Amerika Syarikat datang membantunya.

Ditanya bagaimana negara-negara maju akan menunjukkan reaksi terhadap kenyataan seperti itu daripada G-15, Jokonya berkata Utara perlu menerima hakikat yang mereka juga tidak kebal terhadap manupulasi mata wang.

"Apabila indeks Hang Seng jatuh, New York turut menerima kesan yang tidak dijangka," kata beliau merujuk kepada kejatuhan teruk indeks Dow Jones di Wall Street awal minggu ini.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata, Malaysia akan mengambil kesempatan untuk membangkitkan isu manupulasi mata wang di forum-forum antarabangsa.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan diterima sebagai anggota ke 16 dalam sidang kemuncak di sini. -- BERNAMA

ARA PR